

13 NOV 1997

Rakibah-sungai

SELANGOR KAJI KAEDAH PENGURUSAN SUNGAI DARI LIMA NEGARA LUAR

SHAH ALAM, 13 Nov (Bernama) -- Selangor sedang menjalankan kajian bagi menubuhkan sebuah Lembaga Pengurusan Sungai di negeri itu termasuk menggunakan kaedah serta teknologi pengurusan sungai yang dijalankan di lima buah negara.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur negeri, Datin Raduka Rakibah Abdul Manap berkata kajian itu akan mengambil contoh kaedah pengurusan sungai yang dijalankan di Sweden, Britain, Perancis, Austria dan Switzerland.

Katanya kajian awal menunjukkan kaedah pengurusan sungai di Britain merupakan kaedah yang terbaik yang boleh digunakan untuk menguruskan sungai-sungai di Selangor.

"Segala kertas kerja berhubung kaedah pengurusan itu telah kita semak, dan sekarang masih dalam peringkat pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup kempen Wanita dan Teknologi Maklumat, di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Rakibah berkata idea berhubung penggunaan kaedah pengurusan sungai dari luar negara ini dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Sungai-sungai di Selangor perlu diuruskan dengan baik kerana ia membabitkan keperluan bekalan air untuk pengguna serta melambangkan kemakmuran negara, katanya.

Antara masalah yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan sungai ialah penguatkuasaan memandangkan banyak kilang didirikan berhampiran sungai dan melanggar status tanah terutama tanah yang dikhususkan untuk sektor pertanian.

Rakibah berkata dalam lawatan mengejutnya ke Sungai Langat Sabtu lepas, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil contoh air buangan dari beberapa kilang yang terletak berhampiran kerana disyaki mencemarkan sungai itu.

Beliau berkata JAS kini sedang menjalankan beberapa ujian bagi menentukan kilang yang bertanggungjawab mencemarkan air sungai itu untuk diambil tindakan.

Menurutnya masih ramai pengusaha kilang di kawasan itu yang tidak menjaga simpanan minyak diesel mahupun persekitaran mereka dengan baik. --

BERNAMA

AZH oba